Pelaksanaan perancangan strategik UiTMCSH adalah berkesan dan meluas kepada seluruh warga UiTMCSH. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentangkan semasa Amanat Tahun Baharu Rektor UiTMCSH (16 Mac 2022) di samping dibentang dan dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit, mesyuarat pentadbir akademik dan mesyuarat fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Pemantauan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.3.1 (Bukti 1). Setiap PTJ diminta menghantar/mengemas kini pelaporan pencapaian perancangan strategik setiap satu hingga tiga bulan kepada Penyelaras UPS UiTMCSH melalui atas talian. Pihak UPS akan mengemas kini Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi (TPPP) (Bukti 3) di mana ini untuk memastikan petunjuk prestasi dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan. Penyelaras UPS UiTMCSH akan membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan membentangkannya pada MKSP dan Mesyuarat JKEN, di mana ia merupakan medium bagi penambahbaikan pelaksanaan pelan-pelan strategik UiTMCSH. Bengkel Penyemakan Semula Perancangan Strategik UiTMCSH dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun dan disertai oleh pengurusan tertinggi dan PTJ. Penyelaras UPS akan membentangkan pencapaian tahunan, input daripada setiap PTJ akan diambil kira dalam penyemakan dan penambahbaikan setiap pelan-pelan perancangan strategik UiTMCSH. Hasil pemantauan ini digunakan untuk kaji semula pengurusan yang sedia ada dan pelan pemantauan yang efisien ini diguna pakai untuk memastikan objektif utama dan inisiatif dilaksana dan dicapai dengan berkesan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_P01_PB04_PC01_20231_K2 Bukti 1_Learning CHECK.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC01_20232_K2 Bukti 2_Learning CHECK.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC01_20233_K2 Bukti 3_Learning CHECK.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC01_20234_K2 Bukti 4_Learning CHECK.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC01_20235_K2 Bukti 5_Learning CHECK.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik boleh diklasifikasi mengikut enam (6) kumpulan utama iaitu risiko strategik, risiko kewangan, risiko perundangan, risiko reputasi, risiko operasi dan risiko projek. Ini bagi memudahkan pihak pengurusan untuk mengetahui punca risiko dan tindakan kawalan yang sesuai. Antara kumpulan risiko terlibat yang boleh menjejaskan pencapaian objektif dan inisiatif strategik di UiTM CSH adalah risiko kewangan, risiko reputasi dan risiko projek. Bagi risiko kewangan, risiko utama adalah dari segi pengumpulan dana serta penjana pendapatan. Komponen risiko pula terdiri daripada hubungan dengan alumni, wakaf, kempen menjana pendapatan, pemberian luar dan hadiah, larangan dan pelaporan. Bagi risiko reputasi, risiko utama adalah dari aspek pemasaran. Komponen utama risiko ini adalah pengiklanan produk oleh sesuatu projek, penjenamaan produk dan reputasi produk. Bagi risiko projek, risiko utama adalah projek berimpak tinggi yang mempunyai perbelanjaan yang besar. Komponen utama risiko ini adalah projek penjana pendapatan universiti serta lain-lain projek yang mempunyai impak besar kepada universiti.

Dalam usaha menangani kesemua risiko yang dihadapi, UiTMCSH mempraktikkan budaya dan proses pengurusan risiko mengikut garis panduan Proses Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA. Ini dapat memastikan perancangan dan aktiviti yang dijalankan telah mengambil kira risiko yang bakal dihadapi sama ada di peringkat institusi atau unit melalui langkah-langkah pengurusan risiko yang berkesan. Empat langkah yang perlu dibuat adalah penetapan konteks, mengenalpasti risiko, menganalisa risiko, menilai serta mengklasifikasikan risiko dan langkah terakhir adalah mengawal risiko. Selain itu, elemen-elemen utama di dalam proses pengurusan risiko adalah pelaksanaan komunikasi, perbincangan terus, pelaksanaan proses pemantauan dan proses semakan semula.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB04_PC02_20231_CONTOH JADUAL PEMANTAUAN.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC02_20232_PROSES PENGURUSAN RISIKO.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC02_20233_MILESTONE FLP_GAPS 2020-2023.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC02_20234_BUKTI PEMBENTANGAN PI OLEH PTJ - PEMANTAUAN.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC02_20235_BUKTI NOTIS SERAHAN PETUNJUK PRESTASI - PEMANTAUAN.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dari semasa ke semasa, perkembangan pelaksanaan projek-projek universiti yang didaftarkan di dalam pelan perancangan strategik (SAP) universiti dipantau oleh PTJ. Pemantauan berkala dibuat agar pelaksanaan aktiviti di bawah projek-projek tersebut dapat mencapai PI/KPI universiti dan seterusnya penambahbaikan perancangan strategik dapat dibuat. Bagi projek utama UiTM CSH iaitu FLP-GAPS, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan untuk memastikan proses pemantauan serta pelaksanaan projek dapat dilakukan dengan efisien.

Tiga jawatankuasa tersebut adalah *Project Working Committee*, *Project Steering Committee* dan *Project Implementation Committee*. Bagi *Project Working Committee*, mesyuarat hanya diadakan bersama pihak TERAJU Sabah manakala bagi *Project Steering Committee*, mesyuarat diadakan di peringkat tertinggi diadakan bersama dengan Pihak TERAJU Pusat dan *Project Implementation Committee* yang terdiri daripada pengerusi (dalam kalangan pelaksana), pelaksana, pengurus dan penyelia serta seorang konsultan sekiranya diperlukan. Mesyuarat mesyuarat ini dijadikan sebagai kaedah utama penyemakan dan pemantauan perkembangan projek mengikut garis masa projek yang sudah ditentukan. Hasil daripada proses kaji semula yang dilakukan serta perbincangan mesyuarat, segala masalah serta kekangan projek dapat dikenal pasti. Seterusnya, solusi dan strategi yang praktikal dapat diusulkan untuk tindakan penambahbaikan. Perkembangan perjalanan projek dan pencapaian PI/KPI yang terkini kemudiannya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Strategik yang diadakan bersama pihak pengurusan, ketua-ketua bahagian dan juga ketua unit.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB04_PC03_20231_PWC_2022\(1\).pdf](#)
2. [K0025_P01_PB04_PC03_20232_CONTOH_JADUAL_PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [K0025_P01_PB04_PC03_20233_SEMAKAN_PROGRESS_MID2022\(1\).pdf](#)
4. [K0025_P01_PB04_PC03_20234_PIC_2022.pdf](#)
5. [K0025_P01_PB04_PC03_20235_MESYUARAT_PIC.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan strategik merupakan perkara penting dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik universiti. Ia dapat mencegah kegagalan organisasi dalam mencapai matlamatnya serta memastikan pembudayaan terhasil dari pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik. Justeru, kepimpinan kanan UiTMCSH membentuk objektif jangka masa pendek, membentuk polisi, memotivasikan warga UiTMCSH dan mengagihkan sumber. Menyedari pelaksanaan strategik merupakan peringkat tindakan dalam pengurusan strategik, kepimpinan kanan memastikan pelan tindakan strategik yang mengandungi senarai projek terperinci yang konsisten dengan petunjuk prestasi dan dipantau untuk memastikan objektif khusus tercapai.

Objektif dan strategi yang telah dibentuk dan dirancang diturunkan dan dikembangkan secara sistematik ke semua bahagian/fakulti, jabatan dan unit dalam organisasi oleh kepimpinan kanan melalui penganjuran bengkel, penganjuran jerayawara, mesyuarat serta pemantauan berkala. Bahagian PJIM&A turut memantau prestasi pencapaian setiap inisiatif strategik dan pelaporan daripada bahagian/unit/Fakulti yang diperolehi akan direkod dan dilaporkan kepada UPS. Dalam memastikan proses pelaksanaan strategi yang telah dibentuk dan dirancang bagi Projek FLP-GAPS dapat dilaksanakan dengan berkesan, perkara-perkara berikut diberikan perhatian khusus iaitu:

1. Mewujudkan struktur organisasi yang sesuai dengan strategi yang hendak dilaksanakan;
2. Menyediakan sumber-sumber yang diperlukan seperti kewangan, tenaga manusia, infrastruktur dan persekitaran kerja yang sesuai;
3. Mendapatkan komitmen dan mendorong segenap warga organisasi;
4. Mewujudkan prosedur yang memudahkan pelaksanaan;
5. Mewujudkan pangkalan data yang dapat dijadikan sumber rujukan warga organisasi;
6. Mewujudkan barisan pengurusan dan kepimpinan yang komited untuk membimbing warga organisasi.

Elemen-elemen penting ini diberikan perhatian khusus agar setiap aktiviti yang dirancang di bawah projek-projek utama universiti dapat dilaksanakan dengan komprehensif dan dapat mencapai semua objektif yang telah ditetapkan. Secara langsung, pelaksanaan projek yang mengikuti langkah langkah pengurusan strategik serta penambahbaikan strategik telah membantu dalam proses integrasi budaya di dalam komuniti. Sebagai contoh, pelaksanaan Projek FLP-GAPS telah membawa kepada pembudayaan nilai-nilai keusahawanan di kalangan komuniti yang terlibat dengan projek tersebut. Tahap pembudayaan yang tinggi dalam bidang komersil dan keusahawanan dapat dilihat dari segi keterlibatan komuniti tempatan di dalam aktiviti operasi perusahaan projek FLP-GAPS. Selain itu, pihak UiTM CSH juga mengambil inisiatif untuk melatih komuniti tempatan dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai aktiviti praktikal seperti latihan komuniti dan projek pembangunan ekonomi kampung yang telah dilaksanakan di kampung Limpasu Ulu Bongawan, Sabah. Kesemua aktiviti ini telah menyumbang kepada pembudayaan keusahawanan dan pengkomersilan di kalangan komuniti tempatan dan memberi nilai tambah kepada warga di sekitar kawasan projek.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_P01_PB05_20231_LOKASI.pdf](#)
2. [K0025_P01_PB05_20232_TOCODES LEGACY PROFILE FOR BITCOM \(1\).pdf](#)
3. [K0025_P01_PB05_20233_PROJECT MILESTONES.pdf](#)
4. [K0025_P01_PB05_20234_MESYUARAT PIC.pdf](#)

5. [K0025_P01_PB05_20231_INTRO BROCHURE.pdf](#)
6. [K0025_P01_PB05_20232_PROGRESS MEETING FLP GAPS.pdf](#)
7. [K0025_P01_PB05_20233_REGISTRATION CERT.pdf](#)
8. [K0025_P01_PB05_20234_PROJECT MILESTONES.pdf](#)
9. [K0025_P01_PB05_20235_KHIDMAT KOMUNITI.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan merupakan pihak yang akan memperoleh manfaat daripada inisiatif Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang dilaksanakan. Justeru, pelbagai kaedah telah digunakan bagi mengenal pasti pelanggan yang terlibat dan memastikan keperluan serta ganjaran pelanggan dapat dipenuhi sebaik mungkin.

UiTMCSH telah mengenal pasti beberapa pelanggan yang berpotensi berdasarkan keperluan penglibatan pihak yang terlibat dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Oleh itu, kategori pelanggan yang telah dikenal pasti adalah **pelaksana projek, pemberi dana, rakan strategik dan komuniti B40** atas keupayaan pihak yang berkaitan mendokong objektif utama Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Pelanggan-pelanggan ini sentiasa saling bergantung dalam mencapai objektif UiTMCSH kerana setiap pihak memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesuatu projek.

Berdasarkan perbincangan di peringkat mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat pentadbiran dan mesyuarat pentadbiran akademik UiTMCSH yang melihat kepada pencapaian perancangan strategik, terdapat **SATU (1) projek utama** yang berskala mega yang telah diperincikan berdasarkan keupayaan projek tersebut yang menghasilkan impak besar yang mendokong kepada bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan

Kesukarelawan. **Projek berskala besar yang dipilih adalah Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)** atau dikenali juga sebagai **Lobster Air Tawar (LAT)**.

Projek ini diletakkan di bawah tanggungjawab kumpulan **Special Interest Group (SIG) ToCoDeS (Team of Community Development Studies)** yang menggalas tugas yang besar selaku **Pelaksana Projek**. Projek FLP-GAPS adalah projek berimpak tinggi selaras dengan aspirasi **Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030)** yang dibiayai **Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah di bawah TERAJU** bernilai **RM3.5 juta** yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya dalam kalangan komuniti yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40.

Objektif utama projek ini ialah **membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti juga membantu komuniti dengan menawarkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan.**

Keupayaan projek tersebut dapat dilihat dari segi pencapaian dan kebolehan di mana objektif utama projek tersebut memperlihatkan **peningkatan dari kebolehpasaran** dikalangan semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat yang sekaligus berkeupayaan **mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan** dan mendorong kemampuan untuk berdiri atas usaha sendiri.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan UiTMCSH telah dikategorikan kepada:

Pelanggan Dalaman Pelanggan Luaran Pelanggan Utama FLP-GAPS

Kumpulan sasar bagi projek FLP-GAPS ini adalah merujuk kepada Pelanggan Utama seperti yang diterangkan dalam **Bukti 1**.

UiTMCSH telah membuat **PERANCANGAN yang sistematik** semasa membangunkan program-program berkaitan FLP-GAPS yang melibatkan pelanggan utama projek FLP-GAPS iaitu **Pelaksana Projek, Pihak Penaja, Komuniti B40 dan Rakan Strategik** agar ianya selari dengan:

Pelan Perancangan Strategik UiTMCSH 2021-2025 telah dirangka secara sistematik berdasarkan garis panduan di peringkat universiti (Pelan Strategik UiTM 2025), peringkat kementerian (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025) dan peringkat kebangsaan [Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025)].

Aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

Hasrat negara mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021 – 2025.

Selari dengan aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), UiTMCSH telah memfokuskan pelanggan utama FLP-GAPS kepada **DUA (2) Pelan Perancangan Strategik** UiTMCSH iaitu:

Tanggungjawab Sosial Universiti (USR)

Program Pemindahan ilmu (KTP) untuk memperkasa aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan

Program-program UiTMCSH yang mendokong **DUA (2) Pelan Perancangan Strategik** UiTMCSH telah melibatkan pelanggan-pelanggan FLP-GAPS secara komprehensif.

Special Interest Group-Team of Community Development Studies (SIG-ToCoDeS) telah menjadi pelaksana projek untuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan Program Pemindahan ilmu (KTP).

Program-program ini merangkumi **aktiviti perkongsian ilmu kepakaran alumni, aktiviti kemasyarakatan, dan aktiviti kesukarelawanan di kalangan pelajar, warga UiTMCSH, universiti dan komuniti.**

Penglibatan pelanggan dalam dan luaran amat signifikan dalam memastikan projek FLP-GAPS ini dapat mencapai objektif yang telah digariskan.

Bukti 2.1 merupakan **Penglibatan Pelanggan Dalam Setiap Projek & Manfaat Projek** manakala **Bukti 2.2** menunjukkan **UiTM bersama TERAJU selaku pemberi dana sewaktu lawatan tapak FLP-GAPS.**

Selain daripada itu, perancangan terhadap pelanggan FLP-GAPS telah menekankan elemen perkongsian pengetahuan.

Sebagai contoh, tahun 2022 telah mengangkat aspirasi universiti untuk #GRU2025 dan

#GLOBALLYMARKETABLE di mana **satu proposal telah dihantar melalui pihak UiTM SHAH ALAM (MASMED) dengan usaha sama bersama SIG-ToCoDeS KE JST & KINDAI UNIVERSITY.**

UiTMCSH berbangga apabila **seorang pelajar UiTM SABAH yang juga pengurus PROJEK FLP-GAPS telah mendapat kelulusan untuk ditaja sepenuhnya** untuk program ini.

Bukti 3 menunjukkan **Program Pemindahan Ilmu** antara **SIG-ToCoDes** bersama **Japan Science and Technology Agency & KINDAI UNIVERSITY**.

Dalam usaha memastikan projek FLP-GAPS ini dapat **dikoordinasi dan dilaksanakan dengan teratur dan efisien**, maka **Pusat Pentadbiran Mini Inkubator Lobster Air Tawar (LAT)** telah diwujudkan di Unit Ladang UiTMCSH seperti yang tertera dalam **Bukti 4**.

Pusat pentadbiran ini amat signifikan bagi **mengkoordinasi semua aktiviti yang berkaitan dengan FLP-GAPS** agar setiap **manfaat setiap aktiviti dapat dinikmati oleh semua pelanggan utama FLP-GAPS**.

Bagi memastikan kebolehpayaan LAT untuk hidup dalam jangka masa yang lama, **bekalan air bersih perlu disediakan**. Usaha ini amat penting bagi memastikan **penghasilan LAT yang lebih berkualiti**. Manfaat ini juga bakal dinikmati oleh pelanggan utama FLP-GAPS.

Oleh itu, bagi menyokong usaha ini, **6 hatcheri dan 300 set tangki Lobster Air Tawar (LAT)** telah pun ditempatkan di **6 kawasan projek FLP-GAPS** seperti yang tertera dalam **Bukti 5**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_T01_TB02_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 1.docx.docx.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB02_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 2.docx.docx.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB02_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB02_20234_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 4.docx.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB02_20235_UiTMCSH_Kriteria 3 Approach Bukti 5.docx.docx \(1\).pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

CARA DATA PELANGGAN DIKUMPUL, DISIMPAN DAN DIKENAL PASTI

Pada dasarnya, setiap pencapaian dan penglibatan yang berlaku dalam pelaksanaan perancangan strategik dibawah UiTMCSH sentiasa **dikenal pasti secara menyeluruh**.

Secara umumnya, **pelanggan (kumpulan B40)** telah dikenal pasti melalui **sesi temu bual/kajian selidik yang telah dijalankan bersama komuniti**.

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, UiTMCSH sentiasa memastikan data pelanggan luar seperti informasi berkaitan **pihak pemberi dana, senarai rakan strategik dan komuniti B40 yang terlibat dalam projek FLP-GAPS** dikumpul dan disimpan dengan baik.

Maklumat seperti **surat memorandum persefahaman, surat lantikan projek pelaksana, pelaporan aktiviti sebelum & semasa, maklumat berkaitan kampung terpilih dan peserta kursus FLP-GAPS** serta perkara yang berkaitan dengan pencapaian projek yang telah dilaksanakan telah **dikumpul dan disimpan dengan baik** di dalam **sistem TerajuXchange (TXC)** seperti yang tertera pada **Bukti 1**.

CARA PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR

Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan inisiatif yang dirancang. Justeru, untuk perkara tersebut, pelbagai kaedah penglibatan pelanggan telah dilaksanakan di dalam Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS). **Bukti 2** menunjukkan **cara pengurusan FLP-GAPS melibatkan Kumpulan sasaran** di dalam projek ini dan **sesi temubual yang telah dijalankan bagi mengenal pasti pelanggan** bagi projek FLP-GAPS ini.

Dalam usaha memastikan informasi berkaitan projek **FLP-GAPS** ini dapat **disebar luas kepada seluruh pelosok masyarakat, pihak projek pelaksana dengan kerjasama media cetak, media elektronik dan juga media baharu** seperti Facebook dan Instagram telah memaparkan berita-berita terkini berkaitan status semasa projek **FLP-GAPS** ini.

Bukti 3 menunjukkan **salah satu cara Informasi berkaitan FLP-GAPS disebar luas melalui media manakala **Bukti 4** menunjukkan projek FLP-GAPS disebar luas melalui Kunjungan Hormat ke pejabat Yang Berbahagia Ketua Menteri Sabah**.

Selain daripada itu, usaha berterusan dijalankan oleh pihak FLP-GAPS dalam memastikan keterlibatan pelanggan pada setiap aktiviti/program yang telah diatur. Sebagai contoh, **Bukti 5** menunjukkan **Penglibatan Pelanggan Utama FLP-GAPS pada Pembukaan Mini Inkubator Ternakan Lobster Air Tawar di Unit Ladang UiTM Sabah**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB03_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Peluasan Bukti 1.docx \(1\).docx.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB03_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Peluasan Bukti 2 - latest.docx.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB03_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 3.docx.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB03_20234_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB03_20235_UiTMCSH_Kriteria 3 Deployment Bukti 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam usaha memastikan sesuatu projek berjalan dengan baik dan lancar, perlu ada **mekanisme pemantauan dan pelaporan diwujudkan**. bagi mengetahui status semasa perjalanan projek tersebut dan bagaimana manfaat projek tersebut sampai kepada kumpulan sasaran.

Apabila projek berjalan dengan baik, maka pihak penaja juga tidak berasa ragu-ragu untuk terus memberi suntikan dana seterusnya yang meliputi **4 fasa** bagi pembiayaan projek tersebut.

Pemantauan juga amat signifikan bagi memastikan **kumpulan sasaran dapat menikmati ganjaran atau hasil yang bakal dituai daripada projek yang telah dilaksanakan**.

Bukti 1 menunjukkan **ganjaran untuk pelanggan yang terlibat dengan projek FLP-GAPS**.

Bukti 2 menunjukkan **Model Pemantauan** yang telah diguna pakai oleh pelaksana projek iaitu SIG - ToCoDeS untuk **memantau kemajuan (progress) projek FLP-GAPS** ini dan **milestone yang telah digunapakai untuk tujuan pemantauan dan pelaporan**.

Untuk tujuan menternak LAT ini, pelbagai kemudahan atau fasiliti diperlukan bagi memastikan LAT **dapat hidup lama dan mempunyai potensi besar untuk tujuan jualan**. Justeru bagi tujuan tersebut, pihak pelaksana projek telah memulakan **projek membina fasiliti pusat penternakan LAT**. Projek ini sangat signifikan bagi memastikan LAT dapat **bertelur dengan banyak dan membina rantaianya tersendiri**.

Bukti 3 menunjukkan **Pemantauan Perkembangan Projek Membina Fasiliti Pusat Penternakan LAT dan Jualan Benih di Kampung Muhibbah Petagas**. Setelah LAT ini membesar dengan baik (sampai ke satu peringkat yang **matang di antara 4-6 bulan**), ini bermakna LAT ini sudah boleh **dituai dan penjanaan pendapatan sudah boleh bermula**. Justeru, pihak SIG-ToCoDeS telah memulakan langkah untuk **membina sebuah bangunan operasi untuk tujuan jualan LAT**.

Bukti 4 menunjukkan Pemantauan Perkembangan Projek Membina Fasiliti Sebuah Pusat

Operasi Pemprosesan dan Pengkomersialan LAT (FLP-GAPS) di Kampung Shabandar, Tuaran. Sebelum LAT boleh dijual, telur-telur LAT akan menetas terlebih dahulu sebelum melalui proses tumbesaran. Justeru untuk memastikan telur-telur LAT dapat menetas dalam suasana yang baik dan kondusif, **satu usaha telah dilakukan untuk membina fasiliti hatcheri**.

Bukti 5 menunjukkan **Pemantauan Perkembangan Projek Kerja-Kerja Membina Fasiliti Hatcheri di Kampung Bantayan, Tamparuli**. Kesemua proses pemantauan yang dilakukan ini amat penting bagi memastikan ganjaran dan manfaat projek FLP-GAPS ini sampai kepada pelanggan utama.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_T01_TB04_TC01_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC01_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 2 .docx.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC01_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB04_TC01_20234_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB04_TC01_20235_UiTMCSH_Kriteria 3 Pemantauan Bukti 5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi mana-mana projek yang dijalankan, pasti ada risikonya yang tersendiri.

SIG-ToCoDES telah mengenal pasti risiko yang bakal di hadapi oleh pelanggan dan telah merancang tindakan pencegahan bagi risiko berkenaan.

Sebagai contoh, projek FLP-GAPS ini pastinya akan mengalami risiko seperti kematian LAT, risiko peserta tidak memberi komitmen sewaktu kursus, risiko suntikan dana yang lewat dan sebagainya.

Justeru apabila risiko-risiko luar jangka ini berkemungkinan akan wujud, maka perlu ada pelan tindakan bagi mengatasi risiko-risiko tersebut sebelum keadaan menjadi lebih parah.

Bukti 1 menunjukkan jenis-jenis risiko projek FLP-GAPS dan **Bukti 2** menunjukkan Pelan Tindakan untuk mengatasi risiko-risiko oleh Projek Pelaksana iaitu SIG – ToCoDeS.

Selain itu juga, pihak SIG – ToCoDes juga mengadakan inisiatif bagi meminimalkan risiko-risiko berkaitan penternakan udang ini. **Bukti 3** menunjukkan inisiatif SIG – ToCoDeS untuk meminimalkan risiko berkaitan projek FLP-GAPS.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB04_TC02_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC02_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC02_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Kenal Pasti Risiko \(ACT\) Bukti 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk memulakan projek Lobster Air Tawar (LAT) ini bukan perkara yang mudah. Justeru pihak SIG-ToCoDeS **mengalu-alukan komen-komen membina** untuk penambahbaikan yang berterusan agar projek LAT ini mampu membantu komuniti B40 untuk **meningkatkan taraf hidup mereka dan kemampuan mereka untuk menjana pendapatan sendiri**.

Bukti 1 menunjukkan **Tindakan Penambahbaikan Melalui Maklumbalas Peserta Latihan Lobster Air Tawar**.

Bukti 2 menunjukan **Tindakan Penambahbaikan Melalui Maklumbalas Projek Peserta Program Sewaktu Pengumpulan Benih Lobster Air Tawar**.

Setiap kampung yang terpilih bagi projek LAT ini mempunyai pengurus dan penyelia masing-masing. Justeru komen untuk penambahbaikan daripada mereka turut diambil kira kerana mereka yang **lebih tahu mengenai status kemajuan projek atau apakah kekangan-kekangan semasa yang menyukarkan proses penetasan/tumbesaran/proses jualan LAT**.

Sebagai contoh, pengurus dan penyelia mendapati LAT mempunyai masalah dari **segi kekurangan mineral justeru menyebabkan kadar kematian yang tinggi sewaktu proses Moulting (bertukar kulit)**. Oleh itu, berdasarkan komen yang diberikan oleh pengurus dan penyelia, **satu formula yang dipanggil Miracle Microorganism Formula TL-MMF telah diformulasikan sendiri oleh ToCoDeS** selaku projek pelaksana.

Bukti 3 menunjukkan **Tindakan Penambahbaikan Melalui Maklum balas daripada Peserta FLP-GAPS daripada beberapa kampung terpilih** dan **Bukti 4** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikan Melalui Maklum balas daripada Penyelia Projek FLP-GAPS**.

Bagi komuniti B40 pula, pengetahuan mereka tentang ternakan LAT ini agak terhad. Justeru, menjadi tugas dan tanggungjawab pihak ToCoDeS untuk memberi informasi yang sahih berkaitan ternakan *lobster* air tawar ini. **Bukti 5.1** menunjukkan **hasil maklum balas komuniti B40**, **Bukti 5.2** menunjukkan **Tindakan Penambahbaikan dan Kaji Semula**, manakala **Bukti 5.3** menunjukkan **Standard Operating Procedure (SOP) lapangan bagi pelaksana projek mengatasi masalah tersebut**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB04_TC03_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB04_TC03_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB04_TC03_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB04_TC03_20234_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB04_TC03_20235_UiTMCSH_Kriteria 3 Kaji Semula \(ACT\) Bukti 5.docx.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1. Tempat Pertama bagi Sijil Anugerah Projek Kolaborasi Komuniti bagi kategori Penjanaan Dana Terbaik

Sepanjang tahun 2022, pengurusan kanan UiTMCSH telah mengumpul data-data dari pelbagai medium untuk memudahkan kajian semula prospek dengan cepat serta mengurus pelanggan dalaman serta luaran untuk menilai keberkesanan bagi setiap inisiatif yang telah dijalankan.

Staf yang telah dilantik selaku projek pelaksana, pihak penaja iaitu TERAJU, rakan strategik dan juga komuniti B40 terbukti telah mendapat pelbagai manfaat daripada pelaksanaan projek FLP-GAPS ini. Justeru ini menunjukkan UiTMCSH menitikberatkan keperluan kumpulan sasar.

Bukti 1 menunjukkan UiTMCSH telah mendapat pengiktirafan tempat pertama ANUGERAH METIC pada 17-19/05/2022 sebagai **Projek Kolaborasi Komuniti Bagi Penjanaan Dana Terbaik UiTM (JARINGAN KOMUNITI) bagi projek FLP-GAPS.**

2. *Deep Water Bore Technique* – Inisiatif Pencarian Bekalan Air Bersih di Tapak Projek FLP-GAPS Kg Shabandar Tuaran

Masalah sumber air adalah kritikal untuk tapak projek FLP-GAPS yang terbesar iaitu di Kg. Shabandar, Tuaran. Bekalan air juga tidak mencukupi untuk komuniti setempat dan surau serta dewan berhampiran. ToCoDeS mengambil inisiatif untuk mencari jalan mengenal pasti sumber air bawah tanah bagi tujuan penternakan LAT diusahakan oleh kelompok B40 terpilih (daftar e-Kasih) dan kegunaan umum untuk penduduk kampung berhampiran.

Bukti 2 menunjukkan **Pembangunan Deep Water Bore Technique – Inisiatif Pencarian Bekalan Air Bersih di Tapak Projek FLP-GAPS Kg Shabandar Tuaran.**

3. Penubuhan Koperasi Pembangunan

Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS)

Penubuhan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS) adalah **100% milik pengusaha LAT B40**. Koperasi ini merupakan medium yang menerajui projek FLP-GAPS bakal bermula 2023 pun begitu penubuhannya dibuat pada 2021 bagi tujuan memberi **ilmu dan latihan berkaitan pengendalian sesebuah koperasi berteraskan komuniti LAT di Sabah**. Selain itu, penubuhan koperasi ini juga mampu **mengangkat kebolehpayaan penternak LAT Bumiputera B40 untuk bersaing dengan pengusaha LAT Bukan Bumiputera** yang kini semakin mendominasi pasaran.

Bukti 3 menunjukkan **Penubuhan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berhad (KoPKULS).**

4. *Green Community-Based Social Enterprise 9CBSE)*

Model sedia ada **tidak mempunyai elemen GREEN** dan mengimplementasikan amalan social enterprise yang biasa. Pun begitu, ToCoDeS mengambil inisiatif **mengembangkan model CBSE kepada Green CBSE dengan menambah elemen Green** yang merujuk kepada elemen **akua, agro, organik , Islamik , penggunaan sumber kitar semula dan projek yang mesra alam dengan menggunakan tenaga solar**. Beberapa penyelidik dari pelbagai institusi telah menyatakan **hasrat untuk mengetahui lebih jauh** berkaitan model Green CBSE. Atas alasan ini, **model ini diterima untuk penghantaran penerbitan ke Edisi Khas Springer Nature Singapore Green Infrastructure: Materials and Applications.**

Bukti 4 menunjukkan Penghargaan UiTM Sabah atas kejayaan penerbitan **Edisi Khas**

Springer Nature Singapore Green Infrastructure: Materials and Applications.

5. Miracle Microorganism Formula

Penghasilan produk LAT yang terjejas akibat kematian LAT pada proses *moulting* pada kadar yang tinggi. Kesukaran pengusaha LAT mendapatkan produk dengan harga berpatutan dan bekalan berterusan kerana kebanyakan produk seumpamanya ditawarkan di Semenanjung Malaysia. Justeru, setelah ujian formulasi dilakukan, maka terhasil kini produk yang dinamakan sebagai **Miracle Microorganisms Formula** yang bakal memanfaatkan lebih 150 - 300 orang pengusaha LAT piko, nano & mikro di Sabah/Borneo.

Bukti 5.1 menunjukkan **proses molting** dan **Bukti 5.2** menunjukkan **produk inovasi** yang terhasil.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_T01_TB05_20231_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 1.pdf](#)
2. [K0025_T01_TB05_20232_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 2.pdf](#)
3. [K0025_T01_TB05_20233_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025_T01_TB05_20234_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 4.pdf](#)
5. [K0025_T01_TB05_20235_UiTMCSH_Kriteria 3 Integration Bukti 5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran, UiTMCSH telah melaksanakan satu pelan pemantauan yang rapi dan sistematik yang merangkumi 4 aspek utama iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. UiTMCSH menyedari kepentingan sistem perancangan dan pelaksanaan yang rapi. Justeru itu, UiTMCSH telah memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan perancangan yang teliti. Antara lain, pelaksanaan setiap aktiviti adalah dirancang dengan mengambil kira objektif strategik UiTMCSH dan Objektif Kualiti. Perancangan yang dibuat menyumbang kepada pencapaian serta kejayaan setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, melalui perancangan yang dibuat, pihak UiTMCSH berjaya mengoptimalkan tenaga kerja dan sumber kewangan yang ada di dalam pelaksanaan setiap aktiviti. Di dalam aspek pelaksanaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UiTMCSH melaksanakan setiap aktiviti berdasarkan jadual yang telah disediakan. Pelaksanaan setiap aktiviti mengikut jadual telah memastikan bahawa segala isu yang timbul semasa pelaksanaan aktiviti dapat diatasi dengan berkesan di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai tambahan, pelaksanaan yang berkesan telah menyumbang kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan oleh UiTMCSH. UiTMCSH menyedari bahawa langkah pemantauan perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan bahawa pelaksanaan setiap aktiviti sentiasa berada di atas landasan yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses pemantauan pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang melibatkan pihak pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS), Unit Kualiti dan PTJ dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala. Selain itu, pihak UiTMCSH menyedari bahawa langkah-langkah penambahbaikan adalah penting untuk memastikan pencapaian serta pelaksanaan setiap aktiviti pada masa hadapan dapat dipertingkatkan untuk kebaikan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, dengan mengambil kira pencapaian objektif serta isu-isu yang telah dihadapi semasa pelaksanaan projek, UiTMCSH telah mengadakan *post-mortem* untuk mendapatkan data-data yang boleh menyumbang kepada pencapaian yang lebih mantap di dalam setiap aktiviti yang akan dijalankan pada masa hadapan. Di dalam *post-mortem* yang telah dijalankan, aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bagi tujuan penambahbaikan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan diukur berdasarkan objektif utama Perancangan Strategik UiTMCSH dan Objektif Kualiti UiTMCSH. Perancangan strategik UiTMCSH telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12 Malaysia 2021-2025) (Lampiran 4.2.1), WKB 2030 (Lampiran 4.2.2) dan Pelan Strategik UiTM2025.

Tiga kaedah pendekatan yang dilaksanakan bagi Project Freshwater Lobster Production Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) adalah:

- 1.Laporan Piagam Pelanggan Universiti (2020 – 2025) (Lampiran 4.2.3)
- 2.Laporan PRIME UiTM.
- 3.Laporan Tahunan TERAJU. (Lampiran 4.2.4)

Objektif utama kaedah pendekatan ialah untuk memastikan UiTMCSH menerima sekurang-kurangnya RM 33,000.00 perbelanjaan dari luar UiTMCSH untuk program University Social Responsibility (USR) dan Knowledge Transfer Program (KTP) seperti yang dilaporkan oleh Ketua Projek program.

Bagi projek FLP-GAPS, pencapaian projek akan diukur didalam sistem PRIME berdasarkan lima fasa aktiviti milestone iaitu Fasa 1: menandatangani MoA, Fasa 2: mengemukakan tender, Fasa 3: pembukaan hatcheri, Fasa 4: projek R&D dan Fasa 5: pengkomersialan. (Lampiran4.2.5)

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_A01_AB02_20231_Lampiran Pengukuran 4.2.1 Tema RMK 12.pdf](#)
2. [K0025_A01_AB02_20232_Lampiran Pengukuran 4.2.2 Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.pdf](#)
3. [K0025_A01_AB02_20233_Lampiran Pengukuran 4.2.3 Laporan Piagam Pelanggan Universiti \(2020-2025\) 4.0 MEMBERI KHIDMAT BAKTI KEPADA KOMUNITI 2022.pdf](#)
4. [K0025_A01_AB02_20234_Lampiran Pengukuran 4.2.4 Pelaporan Kemajuan Program TERAJU.pdf](#)
5. [K0025_A01_AB02_20235_Lampiran Pengukuran 4.2.5 FRESHWATER LOBSTER PRODUCTION-GREEN AQUAPONICS PERENNIAL SYSTEM \(FLP-GAPS\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penilaian ke atas semua petunjuk prestasi dilaksanakan melalui tiga kaedah secara berkala. Pertama, setiap PTJ menghantar/mengemas kini pelaporan pencapaian petunjuk prestasi kepada Penyelaras UPS UiTMCSH melalui Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi UiTM Sabah (TPP-UiTMCSH) setiap bulan (Lampiran 4.3.1). Ini untuk memastikan petunjuk prestasi dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan. Bagi pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, pihak ICAN bertanggungjawab merekod dan mengumpul data-data yang berkaitan seperti bilangan pelajar, bilangan alumni, bilangan industri, bilangan komuniti, jumlah dana dan sebagainya, melalui program dan aktiviti yang diadakan didalam kampus (Lampiran 4.3.2). Kedua, penyelaras UPS UiTMCSH membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan data. Dengan menggunakan data yang terkumpul, analisis pencapaian dibuat seperti kaedah deskriptif, kaedah tren dan kaedah perbandingan di antara pencapaian semasa dengan pencapaian terdahulu. Kaedah tren pencapaian dianalisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis, carta pai dan carta bar bagi melihat prestasi pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu bagi UiTMCSH. Petunjuk prestasi, sumber ukuran, data yang digunakan dan kekerapan data dianalisis disertakan dalam lampiran 4.3 (Lampiran 4.3.3 & Lampiran 4.3.4). Ketiga, pembentangan pencapaian KPI peringkat Kampus oleh Ketua/Wakil PTJ di hadapan pihak pengurusan diadakan pada setiap suku tahun (Lampiran 4.3.5). Manakala bagi pencapaian Objektif Kualiti, setiap PTJ diminta menghantar/mengemas kini pelaporan pencapaian petunjuk prestasi sebelum hasil pencapaian Objektif Kualiti dibentangkan pada Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankusa Eksekutif Negeri (JKEN) (Lampiran 4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_A01_AB03_20231_Lampiran Pengukuran 4.3.1 Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi UiTM Sabah.pdf](#)
2. [K0025_A01_AB03_20232_Lampiran Pengukuran 4.3.2 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Bahagian PJIM_A.pdf](#)
3. [K0025_A01_AB03_20233_Lampiran Pengukuran 4.3.3 Petunjuk prestasi, sumber ukuran - Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0025_A01_AB03_20234_Lampiran Pengukuran 4.3.4 Petunjuk prestasi, sumber ukuran - Objektif Kualiti.pdf](#)
5. [K0025_A01_AB03_20235_Lampiran Pengukuran 4.3.5 Maklumat Pembentangan pencapaian KPI bagi suku ke-3 2020 peringkat Kampus oleh PTJ.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Proses pemantauan pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan

Kesukarelawan melibatkan empat pihak iaitu pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS), Unit Pengurusan Kualiti dan PTJ. Ia dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala. Pemantauan adalah berdasarkan *milestone* yang telah dicapai oleh projek FLP-GAPS berdasarkan laporan didalam sistem PRIME.

Peringkat pertama, PTJ diminta menghantar serta mengemaskini laporan status petunjuk prestasi setiap tiga (3) bulan kepada Penyelaras UPS sebelum dibentangkan kepada pihak atasan (Lampiran 4.4.1.3, 4.4.1.4 & 4.4.1.5). Dengan menggunakan data yang terkumpul, analisis dibuat dengan kaedah deskriptif, kaedah tren dan kaedah perbandingan di antara pencapaian semasa dengan pencapaian terdahulu. Kaedah tren pencapaian dianalisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis, carta pai dan carta bar bagi melihat prestasi pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu bagi UiTMCSH.

Peringkat kedua, penyelaras UPS UiTMCSH membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan analisis pencapaian dan membentangkannya di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Input daripada Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) akan diambil kira dalam penyemakan dan penambahbaikan.

Peringkat ketiga, bengkel penyemakan semula dibuat dua (2) kali setahun dan disertai oleh penyelaras UPS, penyelaras Unit Pengurusan Kualiti, pengurusan tertinggi dan PTJ. Bengkel ini dibuat oleh UiTMCSH sebagai mekanisme penambahbaikan. Melalui bengkel ini, penyelaras UPS dan Ketua Unit Kualiti akan membentangkan hasil analisis pencapaian tahunan, mengemaskini pencapaian bersama ahli bengkel, menyemak semula petunjuk prestasi yang mungkin tidak relevan dan membuat penyesuaian (Lampiran 4.4.1.2).

Selain itu, UiTMCSH membuat perkongsian maklumat melalui Taklimat Perancangan Strategik. Taklimat setiap tiga bulan ini membentangkan pencapaian petunjuk prestasi item ukuran di peringkat kampus UiTMCSH bagi membincangkan analisis pencapaian, strategi intervensi bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran dan strategi pemerkasaan bagi petunjuk prestasi yang mencapai sasaran (Lampiran 4.4.1.1).

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_A01_AB04_AC01_20231_Lampiran Pengukuran 4.4.1.1 Jerayawara Bahagian Transformasi Universiti.pdf](#)
2. [K0025_A01_AB04_AC01_20232_Lampiran Pengukuran 4.4.1.2 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.pdf](#)
3. [K0025_A01_AB04_AC01_20233_Lampiran Pengukuran 4.4.1.3_Sesi Pembentangan Pencapaian KPI 27.1.2021.pdf](#)
4. [K0025_A01_AB04_AC01_20234_Lampiran Pengukuran 4.4.1.4_Sesi Pembentangan Pencapaian KPI 29.6.2021.pdf](#)
5. [K0025_A01_AB04_AC01_20235_Lampiran Pengukuran 4.4.1.5_Sesi Pembentangan Pencapaian KPI 14.10.2021.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCSH mengambil berat terhadap pengurusan risiko dan kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Antara risiko yang dikenal pasti ialah data yang tidak sah atau tidak lengkap yang boleh menyebabkan keputusan analisis salah dan tidak boleh digunakan. Selain itu terdapat juga risiko ketirisan dan kebocoran maklumat data yang disimpan. Risiko seterusnya ialah kegagalan atau kelewatan penyediaan laporan pencapaian yang akan menyebabkan analisis secara menyeluruh tidak dapat dilakukan.

UiTMCSH mengambil pendekatan untuk mengawal risiko ketirisan dan kebocoran maklumat dan data yang disimpan dengan memastikan setiap staf yang terlibat mengisi Borang Akta Kerahsiaan. Staf yang bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen rahsia dilatih dalam pengurusan rekod dan penyelenggaraan kerahsiaan fail dan dokumen berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Dokumen Terperingkat, Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA serta Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM. Bagi dokumen dalam bentuk *softcopy* pula, beberapa polisi berkaitan kerahsiaan dipatuhi untuk memastikan tiada kebocoran yang berlaku (Lampiran 4.4.2.1, 4.4.2.2, 4.4.2.3, dan 4.4.2.4). Bagi risiko kelewatan atau kegagalan laporan pencapaian pula, risiko ini dapat diatasi dengan wujudnya pemantauan berkala dari pihak pengurusan melalui MKSP dan JKEN.

Selain itu, risiko-risiko bagi projek FLP-GAPS telah dikategorikan kepada tiga tahap risiko iaitu risiko tahap rendah, sederhana dan tinggi. Tumpuan utama diberikan kepada risiko tahap tinggi kerana kejayaan projek FLP-GAPS bergantung dengan keupayaan untuk mengurangkan risiko tahap tinggi. Jenis-jenis risiko tahap tinggi untuk projek FLP-GAPS adalah termasuk risiko kematian benih lobster air tawar, risiko projek FLP-GAPS tidak menjanakan jualan bagi mendapatkan keuntungan, risiko gagal mendapatkan perundangan/persijilan ketat, risiko dana projek telah habis digunakan, risiko pengurus dan penyelia projek menarik diri atau diberhentikan dari perkhidmatan dan risiko hak tanah yang digunakan untuk menjalankan projek FLP-GAPS ditarik balik oleh tuan milik tanah.

Tambahan pula, risiko teknikal projek FLP-GAPS juga telah dikategorikan kepada lima jenis risiko teknikal yang dikenal pasti melalui proses analisis risiko. Risiko-risiko tersebut adalah risiko persekitaran (corak cuaca dan pencemaran), risiko biologi (pemindahan patogen dan pemangsa), risiko operasi (perancangan akreditasi, reka bentuk buruk, kecederaan tempat kerja), risiko kewangan (perubahan pasaran, pembiayaan tidak mencukupi, turun naik mata wang, pesaing baru) dan risiko sosial (kekurangan tenaga mahir, persaingan untuk mendapatkan sumber utama, kecurian, vandalisme, penipuan) (Lampiran 4.4.2.5)

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_A01_AB04_AC02_20231_Lampiran Pengukuran 4.4.2.1 Borang Perisytiharan Kepentingan Dan Perakuan Kerahsiaan Mesyuarat.pdf](#)
2. [K0025_A01_AB04_AC02_20232_Lampiran Pengukuran 4.4.2.2 Garis Panduan Pengurusan Dokumen Terperingkat.pdf](#)
3. [K0025_A01_AB04_AC02_20233_Lampiran Pengukuran 4.4.2.3 Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA.pdf](#)
4. [K0025_A01_AB04_AC02_20234_Lampiran Pengukuran 4.4.2.4 Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM.pdf](#)
5. [K0025_A01_AB04_AC02_20235_Lampiran Pengukuran 4.4.2.5 Risiko Teknikal.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Analisis pencapaian objektif strategik Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dilaporkan dan dibentangkan dalam MKSP dan JKEN. Semua maklumat dan data diperolehi daripada bahagian atau unit yang mengelola setiap aktiviti. Bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat dan sah, data dianalisis melalui kaedah analisis deskriptif, tren, kaedah perbandingan pencapaian semasa melalui penunjuk prestasi yang ingin disasarkan. Analisis perbandingan adalah perbandingan pencapaian UiTMCSH bagi tahun sebelum dan semasa. Kaedah tren pencapaian dianalisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis, carta pai dan carta bar bagi melihat prestasi pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu bagi UiTMCSH. Hasil analisis kemudiannya dijadikan asas kepada penambahbaikan (Lampiran 4.4.3.1 & 4.4.3.2).

Selain itu, analisis data untuk tujuan penambahbaikan hasil projek adalah dibuat berdasarkan *Standard Operating Procedure* projek yang telah dikemas kini (Lampiran 4.4.3.3)

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_A01_AB04_AC03_20231_Lampiran Pengukuran 4.4.3.1 Maklumat Bengkel dan Mesyuarat Perancangan Strategik Sepanjang 2020.pdf](#)
2. [K0025_A01_AB04_AC03_20232_Lampiran Pengukuran 4.4.3.2 Proses dan Kaedah Analisis Pencapaian UiTMCSH.pdf](#)
3. [K0025_A01_AB04_AC03_20233_Lampiran Pengukuran 4.4.3.3 Standard Operating Procedure for Freshwater Lobster Production.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Aktiviti penambahbaikan berterusan dan inovasi yang berkesan dilakukan berdasarkan maklumat yang didapati daripada aktiviti penilaian. Di UiTMCSH, penilaian strategik merupakan peringkat terakhir dalam pengurusan strategik melibatkan tiga aktiviti asas iaitu menyemak semula faktor luaran dan dalaman berdasarkan strategi semasa, mengukur pencapaian dan membuat tindakan pembetulan. Dengan adanya aktiviti penilaian, pihak kepimpinan kanan dapat mengetahui keberkesanan setiap aktiviti yang dilaksanakan terhadap pencapaian matlamat organisasi. Antara lain, penilaian boleh dibuat melalui maklumat berkenaan

pencapaian projek yang diperolehi daripada 6 kawasan atau lokasi projek iaitu Kg. Shabandar, Kg. Kayu Madang, Kg. Ratau, Kg. Bantayan, Kg. Muhibbah, dan Kg. Duvanson (Lampiran 4.5.1, Lampiran 4.5.2 dan Lampiran 4.5.3).

Selain itu, melalui semakan dan sesi pembentangan laporan pencapaian PTJ oleh Penyelaras UPS dan Ketua Unit Kualiti pada setiap mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), kepimpinan kanan mampu mengenalpasti perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan berterusan dan inovasi. Sebagai contoh, petunjuk prestasi yang dikenal pasti tidak mencapai sasaran akan diberi penekanan untuk memastikan sasaran tersebut tercapai pada masa akan datang. Sebarang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian adalah dengan mengambil kira amalan terbaik bagi setiap sasaran tersebut (Lampiran 4.5.4 & 4.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_A01_AB05_20231_Lampiran Pengukuran 4.5.1 FRESHWATER LOBSTER PRODUCTION-GREEN AQUAPONICS PERENNIAL SYSTEM \(FLP-GAPS\).pdf](#)
2. [K0025_A01_AB05_20232_Lampiran Pengukuran 4.5.2 Freshwater Lobster Production \(Workstation Locations\).pdf](#)
3. [K0025_A01_AB05_20233_Lampiran Pengukuran 4.5.3 Freshwater Lobster Production \(Pusat Hatcheri\).pdf](#)
4. [K0025_A01_AB05_20234_Lampiran Pengukuran 4.5.4 Maklumat Bengkel_Mesyuarat.pdf](#)
5. [K0025_A01_AB05_20235_Lampiran Pengukuran 4.5.5 Laporan Objektif Kualiti UiTM Cawangan Sabah.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCSH memastikan tenaga kerja yang menerajui organisasi mampu memmanifestasikan misi, visi dan matlamat organisasi seiring dengan keperluan organisasi. Sumber Manusia merupakan aset organisasi di dalam memastikan kelancaran, perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Sumber Manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang mantap sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025. Pengurusan Sumber Manusia di UiTMCSH digariskan mengikut peraturan dan polisi berkuat kuasa demi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan kepada pemegang taruh.

Justeru itu, usaha-usaha telah dilaksanakan agar sumber manusia menjadi modal insan yang kompeten, berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai tingkah laku positif bagi membolehkan mereka menyumbang secara optima dalam mencapai visi, misi dan objektif organisasi. Selain itu juga, pengurusan audit perjawatan, pemantauan dan pengurusan risiko yang berkesan telah dilaksanakan bagi memastikan objektif perancangan tidak tersasar. UiTMCSH juga sentiasa menitik beratkan proses penambahbaikan serta menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. UiTMCSH melalui Pengurusan Sumber Manusia efisien menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS).

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PERANCANGAN DAN KAEDAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Sumber Manusia merupakan nadi penggerak dalam kecemerlangan bakat bagi memastikan UiTMCSH terus berkembang dan kekal relevan di persada dunia. UiTMCSH fokus kepada peningkatan kompetensi global sejajar dengan aspirasi UiTM GRU2025 Globally Renowned University dan mendokong sepenuhnya hala tuju universiti melalui *UiTM 2025 Strategic Plan Unleashing Potential Shaping the Future*. pengurusan efisien sumber manusia sentiasa memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh, bertepatan dengan kehendak pemegang taruh dan keperluan industri serta pendidikan berkualiti selaras dengan hala tuju pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Pengurusan Sumber Manusia melalui Kecemerlangan Global dan Tadbir Urus yang mantap serta tenaga kerja yang berprestasi tinggi merupakan dua dimensi di dalam empat komponen sistem sokongan RMK-12 UiTM yang menjadi fokus utama UiTMCSH bagi mencapai Visi dan Misi UiTM hingga 2025. Hala tuju kecemerlangan menjayakan bidang tumpuan Jaringan

Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) ini didokong prestasi berorientasikan nilai dengan pemetaan nilai iDART dan ESI di kalangan warga UiTMCSH.

Perkembangan tenaga kerja dan modal insan dalam projek ini memperlihatkan pertambahan sumber tenaga bersama komuniti (keutamaan golongan B40) dan peluasan skop kerja dalam sumber manusia. Perancangan Strategik Sumber Manusia selaras dengan keperluan sebenar perjawatan yang menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS telah diperincikan seperti jadual di bawah:

UiTMCSH sentiasa menyokong dan memberi penghargaan serta pengiktirafan kepada setiap usaha serta sumbangan tenaga kerja warga kampus. Penghargaan dan pengiktirafan ini dinilai melalui prestasi individu, kumpulan atau PTJ. Penghargaan dan Pengiktirafan kepada sumber manusia mampu mengukuhkan kecemerlangan bakat, meningkatkan motivasi serta prestasi dan budaya kerja khususnya menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS. Penghargaan bersama komuniti, direalisasikan melalui penghargaan staf di Majlis Makan Malam Penghargaan, pengiktiran dan penghargaan (sebagai contoh - Anugerah MeTIC 11/2022 Juara Anugerah Jaringan Komuniti Kategori

Penjanaan Dana Terbaik) ini dipaparkan melalui medium e-mel rasmi UiTM kepada warga UiTMCSH, melalui media sosial seperti *Facebook* rasmi UiTMCSH dan poster serta keratan akhbar.

Berikut merupakan antara contoh poster pengiktirafan dan penghargaan yang telah diberikan dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_S01_SB02_20231_Bukti 5.2.1.pdf](#)
2. [K0025_S01_SB02_20232_Bukti 5.2.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB02_20233_Bukti 5.2.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB02_20234_Bukti 5.2.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB02_20235_Bukti 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Sumber Manusia UiTMCSH, mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan bersama program FLP-GAPS, pengurusan kampus telah memetakan teras strategik sumber manusia menggunakan kaedah pengurusan strategik SWOT analisis bagi mengenal pasti keupayaan kelebihan, kekurangan, peluang dan halangan bagi membantu pengurusan kampus mengenal pasti tindakan keberkesanan pengurusan seperti rajah 5.3.1.

Pengurusan UiTMCSH telah bersidang di Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dalam memperaku dan meluluskan Pembentangan Kertas Kerja, Pengurusan Latihan, Pembiayaan Yuran Penyertaan dan Pendaftaran Keahlian Profesional menggunakan peruntukan tabung latihan UiTMCSH dalam memastikan kejayaan bidang tumpuan FLP-GAPS.

Selain fokus kepada perjawatan, modal insan bersama komuniti dan sukarelawan serta menyahut saranan kerajaan untuk *reskilling* dan menambahbaik pengetahuan dan kepakaran staf bagi menjayakan bidang tumpuan. Berikut merupakan kelayakan, kepakaran dan keahlian staf yang terlibat dalam menjayakan bidang tumpuan di bawah projek FLP-GAPS (Rajah 5.3.2).

Kecekapan Pengurusan Sumber Manusia diperkasa dengan kemajuan teknologi dan pengurusan sistem yang teratur. Sistem Pengurusan Sumber Manusia bukan lagi menjadi pilihan tetapi suatu keperluan asas bagi memastikan kelancaran dan kejayaan sesebuah organisasi khususnya UiTMCSH bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan.

Pihak Pengurusan UiTMCSH sentiasa ke hadapan di dalam memastikan setiap perancangan program/aktiviti adalah sepadan dengan kelebihan, kepakaran mahupun pengalaman staf berkenaan. Sehubungan itu, pemilihan sumber manusia dalam komuniti setempat yang menguruskan bidang tumpuan telah diperhalusi mengikut bidang kepakaran dan pengetahuan ahli akademik/staf pentadbiran. Pendekatan ini penting di dalam memastikan program/aktiviti yang dirancang akan dilaksanakan dengan cemerlang. Mekanisme ini didokong dengan sistem inventori kepakaran staf yang telah diselaraskan oleh bahagian terlibat. (Rajah 5.3.3).

Sebagai contoh projek FLP-GAPS melibatkan 4 orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Perladangan & Agroteknologi. Seterusnya projek ini melantik pengurus dan penyelia dalam kalangan graduan menganggur sewaktu pandemik dan peserta dari golongan B40 serta komuniti setempat. Projek ini telah membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana tempatan dalam membantu melengkapkan infrastruktur dan infostruktur pusat hatcheri penternakan LAT. Walaupun projek ini bernilai RM3.5 juta dan telah menyumbang sebanyak RM 30,000 pada fasa 1 kepada UiTMCSH, pun begitu pada tahun 2022, nilai entiti pemegang bumiputera telah berjaya ditingkatkan sebanyak hampir RM1 juta. Aktiviti penajaan dan penjimatan projek boleh dilihat berdasarkan jadual 3 seperti berikut:- (Rajah 5.3.4)

Pengurusan Sumber Manusia melalui pengurusan latihan dan pembentangan kertas kerja yang efisien telah membantu memberi kejayaan kepada projek FLP-GAPS. Kejayaan ini diterjemahkan melalui pembentangan kertas kerja dan penerbitan yang telah **dimeterai bersama Springer Nature Singapore Pte Ltd. menerusi terbitan khas Springer ini**. Kejayaan ini seterusnya mengangkat agenda GRU2025 yang memberi impak kepada **reputasi UiTMCSH di persada antarabangsa** (Rajah 5.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_S01_SB03_20231_Bukti 5.3.1.pdf](#)

2. [K0025_S01_SB03_20232_BUKTI 5.3.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB03_20233_bukti 5.3.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB03_20234_Bukti 5.3.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB03_20235_Bukti 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran sistem kerja adalah salah satu aspek penting yang menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama projek FLP-GAPS. Bagi memastikan keadaan dan tempat projek FLP-GAPS kekal terjaga dan terkawal, penggiliran bekerja diwujudkan di mana petugas akan bekerja secara bergilir setiap hari. Jadual bekerja disediakan oleh penyelia kawasan. Jika pekerja mengalami masalah kesihatan atau MC (Medical Certificate), akan diganti oleh petugas lain. Begitu juga dengan penyelia, jika penyelia tersebut mengalami masalah kesihatan atau MC (Medical Certificate), akan diganti oleh penyelia dari kawasan lain. Setiap penyelia akan membuat laporan kepada CEO menerusi aplikasi Whatsapp. Selain daripada itu, bagi memastikan projek ini sentiasa kekal bertahan, lawatan secara berkala ke hatcheri juga dilaksanakan oleh SIG Pelaksana. Bukan itu sahaja, mesyuarat secara bersiri juga telah dijalankan. Sehubungan dengan itu, pemberi dana iaitu TERAJU memohon agar 3 siri mesyuarat diadakan. Mesyuarat siri 1 ialah Project Implementation Committee yang dihadiri oleh SIG pelaksana, Pengurus dan Penyelia. Manakala mesyuarat siri 2 ialah Project Steering Committee yang terdiri daripada pihak Pengurusan UiTM Sabah dan SIG Pelaksana. Dalam siri

2 ini pihak TERAJU boleh dipanggil untuk turut serta menghadiri mesyuarat. Dan mesyuarat siri 3 ialah Project Steering Committee yang dipengerusikan oleh CEO TERAJU dan UiTMCSH diwakili oleh Rektor dan dihadiri oleh SIG Pelaksana. Melalui aktiviti ini, ia merupakan salah satu aktiviti meningkatkan Happiness Index Staff melalui jamuan dan mesyuarat di mana staf dapat berinteraksi secara dua hala dan berkesan.

Kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran sistem kerja yang kondusif dan ditambah baik dari semasa ke semasa menjayakan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS. Melalui pemantauan projek berdasarkan pelaporan berkala kepada pihak TERAJU dan UiTMCSH (Rajah 5.4.1.2 – Rajah 5.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_S01_SB04_SC01_20231_bukti 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0025_S01_SB04_SC01_20232_Bukti 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB04_SC01_20233_Bukti 5.4.1.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB04_SC01_20234_Bukti 5.4.1.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB04_SC01_20235_Bukti 5.4.1.5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) UiTMCSH mengenalpasti pengurusan risiko dalam memilih pendekatan kos efektif secara sistematik dan mudah bagi mengurangkan kesan berlakunya ancaman pada UiTM. Kesemua risiko tidak boleh dielakkan sepenuhnya atau dikurangkan secara ringkasnya kerana kekangan kewangan dan kewajaran. UiTMCSH telah menjayakan bidang tumpuan ini dalam pengurusan risiko yang dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi mengatasi kategori risiko tahap rendah, antara pelan tindakan yang diambil adalah pemasangan CCTV dan Lampu Limpah (*Spotlight*), menempatkan Penyelia di setiap tapak dan pemberian latihan kepada peserta dan penyelia tapak projek. (Rajah 5.4.2.1- Rajah 5.4.2.5).

Kejayaan bidang tumpuan ini direalisasikan melalui lawatan kerja ke Tapak Projek FLP-GAPS di Kampung Shabandar, Tuaran. Projek FLP-GAPS adalah usaha sama antara TERAJU dan dilaksanakan dengan kerjasama UiTMCSH di bawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB). Dalam menjayakan bidang tumpuan FLP-GAPS memberi fokus kepada projek penternakan LAT, menggunakan sistem FLP-GAPS, sedang dilaksanakan di enam lokasi; Kampung Shabandar di Tuaran, Kampung Bantayan di Tamparuli, Kampung Muhibbah di Petagas, Kampung Ratau di Menggatal, Kampung Duvanson, Putatan dan Kayu Madang, Telipok. Selain membangunkan komuniti dan membasmi kemiskinan, ahli-ahli pelaksana SIG, pengurus, penyelia dan konsultan memberi khidmat kesukarelawan berkongsi kepakaran dengan komuniti setempat. Sebanyak RM293,500 diperuntukkan melalui penyaluran dana daripada TERAJU untuk penganjuran latihan.

Projek ini telah berjaya memberi khidmat kesukarelawan dan membasmi kemiskinan di kalangan B40 yang terdiri daripada graduan menganggur, pesara, belia penganggur dan wanita berserta ibu tunggal. Kini, terdapat 30 orang peserta tetap di peringkat implementasi, namun perpindahan ilmu pengetahuan berkenaan penternakan LAT juga meliputi penduduk kampung di sekitar 6 *hatcheri* terbabit. Program ini berpotensi membuka peluang pekerjaan dan penjaan pendapatan kepada komuniti. Melalui bidang tumpuan yang dipilih, projek

FLP-GAPS berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan dan masyarakat setempat di mana peserta yang terlibat diberikan modul asas yang dikemaskini setiap tahun dan latihan secara terperinci mengenai penternakan LAT dari tenaga pengajar yang pakar. Kepakaran Pensyarah UiTMCSH sebagai penasihat (*Consultant*) untuk melaksanakan projek berkelompok. Kini terdapat enam kampung terlibat dan setiap kampung ada seorang penyelia dan lima orang peserta.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_S01_SB04_SC02_20231_Bukti 5.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025_S01_SB04_SC02_20232_Bukti 5.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB04_SC02_20233_Bukti 5.4.2.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB04_SC02_20234_Bukti 5.4.2.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB04_SC02_20235_Bukti 5.4.2.5.pdf](#)

5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam menjayakan bidang tumpuan, projek FLP-GAPS menjalankan pemantauan berterusan oleh pengurusan, pengurusan risiko juga menjadi salah satu aspek penting yang perlu diberikan perhatian demi memastikan kualiti kepuasan hati sumber manusia dapat diatasi dengan sistematik dan berhemah. Adalah menjadi keutamaan pengurusan untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan dan mendepani isu-isu berkaitan dengan persekitaran kerja yang kondusif bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan.

Antara tindakan penambahbaikan untuk pengurusan risiko adalah Penempatan Tangki Biru berbanding kolam tanah yang berisiko tinggi. Bagi pengurusan *lean budget* dan penyeliaan mengikut giliran di antara penyelia dan peserta. Selain itu, penambahbaikan yang menjadi teras kepada projek FLP-GAPS ialah penggunaan konsep hijau yang merangkumi bahan-bahan organik, patuh syariah, penggunaan sumber kitar semula/tempatan dan mesra alam. Berikut merupakan penempatan tangki biru dan rajah penambahbaikan. Rajah 5.4.3.2 memaparkan inovasi pengubahsuaian model sedia ada di peringkat antarabangsa menjadi model berteraskan konsep hijau seperti yang dibincangkan sebelum ini. Selain mengkaji semula proses dan penyelidikan berterusan, penambahbaikan dilaksanakan bagi memberi nilai tambah dan mutu perkhidmatan serta hasil yang memberi manfaat kepada semua. (Rajah 5.4.3.1 – Rajah 5.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_S01_SB04_SC03_20231_Bukti 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0025_S01_SB04_SC03_20232_Bukti 5.4.3.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB04_SC03_20233_Bukti 5.4.3.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB04_SC03_20234_Bukti 5.4.3.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB04_SC03_20235_Bukti 5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui kejayaan dalam bidang tumpuan, projek FLP-GAPS telah menghasilkan **pemindahan ilmu kepada pelajar penyelidikan, latihan industri, agensi kerajaan, industri kecil sederhana, peserta dan komuniti** yang terlibat sama dalam projek ini. Antara yang terlibat adalah pelajar Diploma Perladangan dan Agroteknologi, Pelajar Sarjana Penyelidikan, agensi kerajaan (SLDB), IPT (Kolej Vokasional Lahad Datu), komuniti setempat, dan staf UiTMCSH. Pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan melalui bidang tumpuan, projek FLP-GAPS telah menghasilkan MITLAT (mini Inkubator Ternakan LAT) di Unit Ladang dan pemindahan teknologi dari konsultan ke pengurus, penyelia, peserta, pelaksana dan komuniti. Pembinaan dan pelaksanaan Pusat Pentadbiran FLP-GAPS untuk tujuan pentadbiran dan latihan kepada komuniti setempat juga terhasil kesan daripada kejayaan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS. (Rajah 5.5.1 – Rajah 5.5.5) .

Kejayaan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS adalah melalui kerjasama di bawah konsep Strategi Lautan Putih (*White Ocean Strategy*) di mana situasi menang-menang dijadikan teras sinergi di antara pemegang taruh. Di samping Strategi Lautan Putih, Usahasama Islamik Mudharabah-Wakalah (UIMW) diperkenalkan bagi mewujudkan sebuah konsensi Special Purpose Vehicle (SPV) untuk memastikan kelangsungan projek diteruskan di bawah pengaktifan Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah (KoPKULS). UiTMCSH melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) sentiasa menyediakan peluang dan ruang kepada staf/pelajar untuk menghadiri latihan/kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Amalan terbaik adalah satu proses yang biasa dilakukan secara berterusan sehingga ianya akan menjadi ikutan kepada individu/organisasi yang secara langsung atau tidak langsung akan memberikan kebaikan. Dalam pada itu, dengan kepelbagaian pengalaman/kepakaran, pihak pengurusan sangat terbuka dan menggalakkan siri perkongsian ilmu yang memberi manfaat kepada komuniti setempat di peringkat bahagian/unit dilaksanakan secara konsisten melalui bidang tumpuan. Secara tidak langsung, sesi ini akan mampu mencetuskan inspirasi kepada individu/kumpulan/komuniti.

Dalam menjayakan bidang tumpuan, UiTMCSH telah mengambil langkah proaktif melalui pengurusan teknologi dan digital sejajar dengan perkembangan sistem maklumat dan tenaga kerja tangkas. Antara inovasi yang terhasil adalah peralihan sistem manual kepada automasi merangkumi medium penyebaran maklumat dan informasi, penyampaian perkhidmatan dan penghargaan serta pengiktirafan sumber manusia di UiTMCSH. Penyampaian perkhidmatan dan integrasi sistem daripada manual kepada automasi meningkatkan tahap kegirangan pelanggan dan pemegang taruh serta penjimatan tenaga kerja, masa dan kewangan universiti. Selain daripada itu, integrasi manual kepada digital bagi media komunikasi dan penyebaran maklumat serta informasi bagi tenaga kerja UiTMCSH adalah *Group Whatsapp, Website, Facebook, Instagram dan Youtube* UiTMCSH membantu mempromosi dan menjayakan bidang tumpuan ini.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_S01_SB05_20231_Bukti 5.5.1.pdf](#)
2. [K0025_S01_SB05_20232_Bukti 5.5.2.pdf](#)
3. [K0025_S01_SB05_20233_Bukti 5.5.3.pdf](#)
4. [K0025_S01_SB05_20234_Bukti 5.5.4.pdf](#)
5. [K0025_S01_SB05_20235_Bukti 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCSH sentiasa berusaha dalam mewujudkan hubungan baik bersama alumni dan komuniti setempat serta memastikan aktiviti kesukarelawan diutamakan. UiTMCSH memberi tumpuan yang penuh pada bahagian operasi bidang tumpuan, bagi memastikan operasi bidang tumpuan sentiasa berjalan dengan efisien dan efektif.

Bagi memastikan UiTMCSH dapat memastikan libat urus bersama alumni dan komuniti setempat dapat dilaksanakan dengan baik. UiTMCSH telah merancang proses mengesan alumni dengan mengguna pakai aplikasi MYAlumni UiTM yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Jabatan Infostruktur. Mengesan dan melibatkan alumni dalam pelan strategik UiTMCSH adalah sangat penting kerana alumni memainkan peranan yang penting untuk membantu UiTMCSH mencapai objektif seperti projek promosi kemasukan pelajar baharu, pembangunan akademik melalui sumbangan tunai mahupun tenaga pakar.

Perancangan UiTMCSH untuk projek komuniti dan kesukarelawan ialah memastikan semua projek komuniti dan kesukarelawan mengikut garis panduan yang telah di sediakan oleh UiTM. Di samping itu setiap data dan informasi berkaitan perlulah direkodkan ke dalam sistem PRIME bagi memastikan setiap projek Komuniti dan Kesukarelawan dirancang dan dipantau.

Projek kesukarelawanan dan komuniti adalah satu peluang bagi UiTMCSH untuk membantu komuniti yang berada di luar kampus, UiTMCSH akan menggunakan sumber manusia dan kepakaran yang ada untuk menjayakan program kesukarelawan kepada komuniti yang memerlukan.

Hasil daripada perancangan yang telah disediakan, UiTMCSH telah melakukan pelaksanaan bagi menjalankan proses menjejaki, mengenal pasti dan mendapatkan sumbangan dari segi kewangan, kepakaran dan khidmat kemanusiaan daripada alumni. UiTMCSH juga membentuk kesepakatan bersama komuniti sasaran melalui program-program bermanfaat, menjalankan aktiviti kesukarelawan bagi khidmat bakti bersama komuniti sasaran.

UiTMCSH telah melakukan usaha pemantauan secara berkala bagi tujuan menambah baik pengurusan UiTMCSH terhadap pelaksanaan program-program dan inisiatif yang dirancang.

Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan kelestarian program dan pencapaiannya sejajar dengan objektif Pelan Strategik UiTM2025. UiTMCSH melakukan pelaporan berkala bagi program-program yang dilaksanakan memastikan penyimpanan data di dalam sistem PRIME serta melakukan penilaian, terhadap impak program berdasarkan kaji selidik maklum balas peserta dan jemputan melaksanakan komunikasi berkala dengan alumni dan komuniti terutama komuniti sasaran.

Penilaian risiko telah dilakukan berkaitan operasi bidang tumpuan. Pelan perancangan pengurusan risiko mencakupi 3 jenis risiko utama:

- Pelan perancangan pengurusan risiko Perancang Strategik.
- Pelan perancangan pengurusan risiko Petunjuk Prestasi.
- Pelan perancangan pengurusan risiko khusus kepada pelaksanaan projek tersebut .

Setiap pelan perancangan pengurusan risiko yang dikenal pasti merangkumi dua pelan utama iaitu pelan pencegahan dan pembetulan. Kaedah ini bukan sahaja menjamin kelestarian program, bahkan mengukuhkan lagi kesejahteraan hubungan di antara UiTMCSH bersama alumni, komuniti dan pemegang taruh yang lain.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCSH telah mengambil **PENDEKATAN** yang sistematik berkaitan tumpuan operasi untuk memastikan libat urus bersama alumni dan komuniti dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Bagi memastikan kelestarian terhadap program dan aktiviti jaringan komuniti, UiTMCSH mengamalkan elemen berikut dalam pengurusan operasi bidang tumpuan bersesuaian dengan garis panduan jaringan komuniti UiTM **(Bukti 6.2.1)**

i. Perancangan

Membuat perancangan dengan menetapkan objektif yang jelas, tadbir urus, perundangan, proses, peranan pihak pemegang taruh dan jangkaan hasil yang diharapkan.

ii. Kumpulan Sasaran

Mengiktiraf komuniti sasaran sebagai sebuah entiti yang dihormati dalam menangani isu yang relevan dengan kesejahteraan masyarakat dan entiti budaya mereka.

iii. Mekanisme Penyampaian

Memudah cara penglibatan bersama secara saksama melibatkan semua rakan komuniti di semua peringkat inisiatif.

iv. Kelestarian

Memastikan kelangsungan hubungan kerjasama yang berterusan melalui strategi dan pelan pembangunan komuniti.

v. Nilai dan Budaya

Mencapai tahap jaringan komuniti yang tulen, bertanggungjawab, amanah dan fokus kepada pemegang taruh

Bagi jaringan Alumni UiTMCSH mengambil pendekatan mengenal pasti alumni serta kepakaran mereka melalui MyAlumni UiTM. UiTMCSH dapat menggunakan maklumat tersebut untuk mendapatkan sumbangan kewangan dan kepakaran mereka yang boleh dimanfaatkan untuk program akademik dan bukan akademik. **(Bukti 6.2.2)**

Salah satu projek komuniti yang menggunakan pendekatan seperti diatas ialah Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)* adalah di antara projek komuniti UiTMCSH pada tahun 2022, projek ini telah bermula pada April 2020 dan ia telah memberi impak yang signifikan di mana projek ini **membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti** dengan membina infrastruktur/infostruktur, melengkapkan keperluan utiliti, peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan. Pelaksana FLP-GAPS komited dalam memastikan kelancaran operasi bidang tumpuan, bagi melengkapkan garis panduan tadbir urus yang sedia ada pelaksana projek mengambil langkah yang drastik dengan mewujudkan *Standard*

Operating Procedure (SOP) (**Bukti 6.2.3**) bagi projek komuniti yang dijalankan. SOP tambahan ini penting kerana setiap projek komuniti mempunyai keunikan tersendiri di mana garis panduan operasi umum tidak dapat diguna pakai sepenuhnya untuk setiap projek komuniti

UiTMCSH telah merancang untuk melaksanakan program-program tanggungjawab sosial universiti (USR) dan program pemindahan ilmu (KTP) bersasar bagi komuniti. Proses mengenal pasti, memilih dan memeterai perhubungan dengan komuniti setempat oleh UiTMCSH telah menggunakan pendekatan berikut (**Bukti 6.2.1**)

Hasil komunikasi dengan komuniti setempat, pihak UiTMCSH telah mengenal pasti kumpulan sasaran bagi program USR ini. Pelaksanaan aktiviti bersifat akademik seperti STEM Outreach Program UiTM Cawangan Sabah di SK Pekan Tongod, Ekspedisi Saintifik Kanyon Imbak 2022, dan bukan akademik sumbangan beras seperti pek makanan ringan bagi Dapur HEP Sumbangan Daripada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTMCSH, *Speaker for Minggu Kerjaya*

Program at SK Tanaki Papar dan banyak lagi program lain telah dijalankan melibatkan warga UiTMCSH dan komuniti sasaran. (**Bukti 6.2.4**)

UiTMCSH memastikan proses tadbir urus kesukarelawan bersama komuniti berjalan lancar penyediaan kertas kerja, borang permohonan aktiviti, surat kelulusan untuk mengadakan aktiviti dan semakan semula borang permohonan aktiviti dilakukan sebelum kebenaran menjalankan aktiviti komuniti dan kesukarelawan. (**Bukti 6.2.5**)

Kesimpulannya perancangan terhadap operasi telah dibuat secara sistematik berpandukan kepada garis panduan di peringkat universiti, kebangsaan dan SOP komuniti projek yang mana inisiatif inovasi dan perkongsian pengetahuan telah dititikberatkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_O01_OB02_20231_Bukti 6.2.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB02_20232_Bukti 6.2.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB02_20233_Bukti 6.2.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB02_20234_Bukti 6.2.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB02_20235_Bukti 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif perluasan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif bidang tumpuan pilihan yang melibatkan keseluruhan sistem UiTM adalah melalui:

- i. Menggunakan pakai sistem MyAlumni UiTM yang merekodkan bilangan dan kepakaran alumni. Selain itu UiTMCSH juga telah menjalankan tinjauan berkala bagi memastikan maklumat terkini alumni fakulti dari segi kerjaya dan kepakaran sentiasa dikemas kini. Bengkel perancangan strategik dan laporan piagam pelanggan diguna pakai untuk membantu UiTMCSH mengenal pasti komuniti setempat yang memerlukan kepakaran UiTMCSH. Melalui maklumat yang diperolehi dari sistem dan laporan UiTMCSH dapat **merancang (PLAN)** program bersesuaian bagi keterlibatan alumni dan komuniti tersebut. Bengkel perancangan strategik telah dijalankan untuk merencanakan perjalanan program-program yang membabitkan kerjasama antara fakulti, industri, komuniti dan alumni. **(Bukti 6.3.1)**
- ii. Hasil dari pengumpulan data, UiTMCSH telah mengenal pasti kepakaran alumni dan sumber manusia UiTMCSH justeru memudahkan keterlibatan mereka sebagai fasilitator dan penceramah dalam program-program komuniti anjuran UiTMCSH di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **(DO)** Sepanjang tahun 2022 UiTMCSH telah Penganjuran pelbagai program kesukarelawan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat, malah diperluaskan ke peringkat antarabangsa seperti *International Workshop on Knowledge Sharing and Capacity Building for Precision Agriculture Workshop using UAVs Techniques in the South and Southeast Asian Region*. UiTMCSH melaksanakan program khidmat bakti keusahawanan dengan komuniti sekitar seperti *Empowering Association & Society for Hawker & Small Business Traders in Tamu Luadi*, Kota Belud, Sabah **(Bukti 6.3.2)**
- iii. Pemantauan **(CHECK)** projek komuniti dan mengesan alumni dijalankan berturutan sepanjang tahun. Laporan projek PRIME, **(Bukti 6.3.3)**, Laporan Community Network Centre (CNC) **(Bukti 6.3.4)** dan Laporan program perkhidmatan kepakaran alumni 2022 **(Bukti 6.3.5)**. dijadikan sebagai instrumen untuk menyemak prestasi dan perkembangan bidang tumpuan. Hasil dari laporan tersebut akan dibawa ke mesyuarat MKSP, JKEN dan Bengkel Perancangan Strategik
- iv. **(ACTION)** hasil semakan terhadap laporan akan di bincangkan di Bengkel Perancangan Strategik di mana tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan untuk memastikan punca kegagalan tidak berlaku pada masa akan datang

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_O01_OB03_20231_Bukti 6.3.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB03_20232_Bukti 6.3.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB03_20233_Bukti 6.3.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB03_20234_Bukti 6.3.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB03_20235_Bukti 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan, UiTMCSH menitikberatkan komunikasi dua hala yang konsisten antara UiTMCSH dengan alumni dan komuniti, Maklumat berkaitan projek yang dijalankan adalah sangat penting untuk mengenal pasti isu dan punca kepada kegagalan sesuatu projek oleh itu UiTMCSH sangat memfokuskan kepentingan Pelaporan bagi setiap aktiviti bidang tumpuan oleh itu UiTMCSH mewajibkan pelaksana projek untuk menyediakan dokumentasi berikut:

- Laporan projek PRIME, **(BUKTI 6.4.1)**
- Laporan Community Network Centre (CNC) **(BUKTI 6.4.2)**
- Laporan aktiviti penutup program, **(BUKTI 6.4.3)**
- Borang kelulusan projek aktiviti **(BUKTI 6.4.3)**
- Kertas kerja projek komuniti **(BUKTI 6.4.3)**
- Laporan program perkhidmatan kepakaran alumni 2022 **(BUKTI 6.4.4)**

Maklumat dari pelaporan tersebut dapat digunakan di dalam Bengkel perancangan strategik akan melakukan analisis data bagi mengenal pasti masalah dan melakukan penambahbaikan dalam tadbir urus operasi UiTMCSH. **(BUKTI 6.4.5)**

Secara keseluruhan, dapatan dari perkara-perkara ini amat penting untuk mendapatkan input, menilai, mengkaji semula dan menambahbaik tadbir urus operasi UiTMCSH.

SENARAI BUKTI:

1. [K0025_O01_OB04_OC01_20231_BUKTI 6.4.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB04_OC01_20232_BUKTI 6.4.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB04_OC01_20233_BUKTI 6.4.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB04_OC01_20234_BUKTI 6.4.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB04_OC01_20235_BUKTI 6.4.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko yang berkesan perlulah melalui 3 proses yang pertama ialah mengenal pasti risiko, yang ke dua adalah pencegahan dan yang terakhir adalah pembetulan. Kelancaran sesuatu operasi bergantung kepada pengurusan risiko yang baik, oleh itu UiTMCSH mengenal pasti semua risiko dan menyediakan pelan pencegahan dan pembetulan risiko di setiap peringkat:

- Risiko pencapaian objektif dan inisiatif strategik (**Bukti 6.4.2.1**)
- Risiko Petunjuk Prestasi (**Bukti 6.4.2.2**)
- Peringkat projek komuniti (**Bukti 6.4.2.3**), (**Bukti 6.4.2.4**), (**Bukti 6.4.2.5**)

Melalui perbincangan dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH dan mesyuarat di peringkat pelaksana projek komuniti beberapa risiko telah di kenal pasti di mana ia boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik. boleh diklasifikasii mengikut enam (6) kumpulan utama. Ini bagi memudahkan pihak pengurusan untuk mengetahui punca risiko dan tindakan kawalan yang sesuai. Kumpulan risiko terdiri daripada Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Perundangan, Risiko Reputasi, Risiko Operasi dan Risiko Projek. (**Bukti 6.4.2.1**)

Melalui Bengkel Perancangan Strategik PJIM&A risiko Petunjuk Prestasi dikenal pasti iaitu dimana risiko ini khusus kepada PI tersebut sebagai contoh *PI080 number of alumni expert service programme*, risikonya ialah *low percentage of graduate entrepreneurs* langkah pembetulan dan pencegahannya ialah *encourage graduates to continue with their business by giving grant for business start-up*. Setiap risiko PI kepada bidang tumpuan dikenal pasti dan langkah pencegahan dan pembetulan di rangkai

(Bukti 6.4.2.2)

Risiko khusus kepada projek juga dikenal pasti melalui mesyuarat di peringkat pelaksana projek. Risiko khusus ini sangat penting kerana setiap projek komuniti adalah unik dimana risiko generik tidak boleh diguna pakai oleh itu risiko khusus kepada projek itu dikenal pasti untuk memastikan kelestarian projek dan hubungan dengan komuniti setempat dapat jaga dengan baik. Projek FLP-GAPS telah mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan kejayaan projek. Risiko tersebut dibahagi kepada tiga tahap

- Risiko Tahap Rendah (**Bukti 6.4.2.3**)
- Risiko Tahap Sederhana (**Bukti 6.4.2.4**)
- Risiko Tahap Tinggi (**Bukti 6.4.2.5**)

Setiap risiko yang dikenal pasti disediakan langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian bagi mengurangkan peratusan risiko terjadi. Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan UiTMCSH telah merancang tindakan pencegahan dan pembetulan risiko bidang tumpuan dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_O01_OB04_OC02_20231_Bukti 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB04_OC02_20232_Bukti 6.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB04_OC02_20233_Bukti 6.4.2.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB04_OC02_20234_Bukti 6.4.2.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB04_OC02_20235_Bukti 6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi melaksanakan tujuan penambahbaikan pengurusan operasi, UiTMCSH menganalisis hasil tindakan yang diperolehi dari maklumbalas dan dapatan dari laporan program. Antara Tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh UiTMCSH ialah, PTJ perlu mengemas kini pelaporan pencapaian perancangan strategik setiap satu hingga tiga bulan kepada Penyelaras UPS UiTMCSH melalui atas talian. Pihak UPS akan mengemas kini Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi (TPPP) **(Bukti 6.4.3.1)** berlandaskan penambahbaikan yang telah dicadangkan sebelum ini bagi mengelak kesilapan tahun sebelumnya berulang.

Penyelaras UPS UiTMCSH akan menyediakan laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan membentangkannya pada MKSP dan Mesyuarat JKEN, di mana ia merupakan medium bagi membincangkan sama ada penambahbaikan yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak.

Semua input yang diperolehi dari Mesyuarat dan pelaporan akan digunakan di dalam Bengkel Perancangan Strategik **(Bukti 6.4.3.4)** di mana semua input tersebut akan diformulasikan menjadi penambahbaikan dalam tumpuan operasi memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap penambahbaikan mendatangkan kesan positif terhadap bidang tumpuan. Selain itu Laporan projek PRIME, **(Bukti 6.4.3.2)**, Laporan Community Network Centre (CNC)

(Bukti 6.4.3.3). Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, UiTMCSH telah berjaya memastikan setiap penambahbaikan yang dilaksanakan mendatangkan hasil, ini dapat dibuktikan dengan petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan mencapai dan melebihi sasaran selama 3 tahun berturut dari tahun 2020 hingga 2022. **(Bukti 6.4.3.5)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_O01_OB04_OC03_20231_Bukti 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB04_OC03_20232_Bukti 6.4.3.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB04_OC03_20233_Bukti 6.4.3.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB04_OC03_20234_Bukti 6.4.3.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB04_OC03_20235_Bukti 6.4.3.5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan yang terhasil daripada penambahbaikan bidang tumpuan ialah penglibatan semua warga UiTM dalam projek komuniti dan kesukarelawan, setiap tahun semakin banyak projek komuniti yang dijalankan di peringkat persatuan pelajar sebagai contoh Program Tautan Kasih Bersama Anak Yatim HOME Tuaran anjuran JPK. **(BUKTI 6.5.1)** dan Program Infaq Kurma: Misi Kasih Ramadhan ke Rumah Anak Yatim HOME Tuaran dan Surau Kg. Unggun anjuran Persatuan Diploma Perakaunan UiTMSCSH **(BUKTI 6.5.2)**

Budaya ini amat memberangsangkan kerana sebelum ini projek komuniti dan kesukarelaan kebanyakannya dilaksanakan di peringkat bahagian seperti Bahagian PJIM&A dan HEP. Selain itu Projek Komuniti dan Kesukarelawan yang meningkat setiap tahun menjadi bukti UiTMSCSH berjaya memupuk kesedaran di kalangan warga UiTM untuk membudayakan projek komuniti dan kesukarelawan **(BUKTI 6.5.3)**. Jumlah alumni yang berkongsi kepakaran juga meningkat sepanjang tahun di mana setiap semester akan ada alumni yang melakukan perkongsian ilmu kepada pelajar. **(BUKTI 6.5.4)** Selain itu sumbangan dalam bentuk makanan juga diberi kepada pelajar di mana ini merupakan projek komuniti berkala setiap semester iaitu Dapur HEP 1.0 dan Dapur HEP 2.0 **(BUKTI 6.5.5)**

Demi memastikan segala usaha penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dengan efisien, kerjasama dan budaya saling membantu di kalangan staf adalah diperlukan. Selain itu budaya memastikan setiap projek komuniti mengikuti garis panduan dan sistem yang disediakan sangat penting bagi memastikan kelancaran operasi bidang tumpuan. Kejayaan UiTMSCSH memerlukan keterlibatan dan sokongan berterusan dari semua pihak termasuk warga fakulti, alumni, pemegang taruh dan juga komuniti setempat.

Bagi memastikan kelestarian program anjuran UiTMSCSH bersama komuniti, program-program, UiTMSCSH mengamalkan pembudayaan amalan kerja yang cekap bermula dari perancangan, pembikinan, pemantauan, pengenalpastian risiko sehingga penambahbaikan sekaligus menjamin tahap kecemerlangan tertinggi

SENARAI BUKTI :

1. [K0025_O01_OB05_20231_BUKTI 6.5.1.pdf](#)
2. [K0025_O01_OB05_20232_BUKTI 6.5.2.pdf](#)
3. [K0025_O01_OB05_20233_BUKTI 6.5.3.pdf](#)
4. [K0025_O01_OB05_20234_BUKTI 6.5.4.pdf](#)
5. [K0025_O01_OB05_20235_BUKTI 6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik UiTMCSH berkaitan bidang tumpuan iaitu **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** adalah sejajar dengan tema 1 dan tema 2 RMKe-12, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan tema strategik 5 Pelan Strategik UiTM2025. Terdapat **empat objektif utama** yang melibatkan universiti, industri, kerajaan, komuniti dan alumni iaitu **alumni berjaya menjadi usahawan, program khidmat kepakaran alumni, komuniti yang menerima manfaat daripada projek penyebaran pengetahuan/teknologi dan program kesukarelawan.**

Proses **pelaksanaan** melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Pengurusan Strategik (UPS) dan Pihak yang bertanggungjawab (PTJ). Manakala proses **pemantauan** melibatkan tiga pihak iaitu Pengurusan tertinggi UiTMCSH, UPS dan PTJ. UiTMCSH telah merangka pelan **pemantauan yang sistematik** dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dilaksanakan dengan jayanya. UiTMCSH telah **menguruskan risiko-risiko dengan berkesan** secara **mengenal pasti kategori risiko, tahap risiko dan pelan tindakan pencegahan dan pembetulan** dalam **menambah baik inisiatif** yang telah dirancang bagi memastikan objektif utama tercapai. Oleh itu, untuk **penambahbaikan** UiTMCSH telah mengatur strategi dalam mengawal risiko dengan melaksanakan beberapa kaedah kawalan strategik seperti mengatur dan mengkoordinasi respons UiTMCSH dalam menentukan peranan dan skop aktiviti dan menyelaraskan semua aktiviti mengikut tahap keperluan semasa.

Pada dasarnya kesemua inisiatif strategik UiTMCSH telah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan secara keseluruhannya telah menghasilkan **pencapaian yang melebihi sasaran bagi tahun 2022**. Pencapaian UiTMCSH dapat diukur melalui hasil pelaksanaan satu projek utama iaitu **Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)** di bawah naungan kumpulan *Special Interest Group (SIG) ToCoDes* yang telah dianugerahkan **geran bernilai RM3.5 juta** oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) melalui program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sabah (DPUB). Projek ini adalah bertujuan membangunkan **projek berasaskan industri penternakan Lobster Air Tawar (LAT) dalam usaha membantu golongan B40**. Pemilihan projek utama ini adalah disebabkan **hasil pencapaian yang terbaik dan mencapai objektif utama Perancangan Strategik bagi tahun 2022**.

Pelbagai program dilaksanakan melalui projek utama ini telah memberi impak bukan sahaja di peringkat nasional malah ia memberi impak di peringkat antarabangsa. Bagi **peringkat antarabangsa, pada tahun 2022**, pengurus projek FLP- GAPS dan juga pelajar UiTMCSH telah mendapat tawaran tajaan penuh dari **Japan Science and Technology**

Agency (JST) dan **Kindai University** untuk program **Sakura Science Exchange Program**. Antara objektif Sakura Science Exchange Program ini ialah menyokong pembangunan sumber manusia yang berbakat dan berpotensi menyumbang kepada inovasi dalam bidang Sains dan

Teknologi. Selain itu, menerusi **Edisi Khas Springer Nature Singapore "Green Infrastructure: Materials and Applications"**, FLP-GAPS mengambil inisiatif **penambahbaikan dengan mengubah suai dan mengembangkan model klasik Community-Based Social Enterprise (CBSE) kepada model yang lebih kontemporari Green CBSE dengan menambah elemen 'Green'** yang merujuk kepada elemen akua, agro, organik, Islamik, penggunaan sumber kitar semula dan projek yang mesra alam dengan menggunakan tenaga solar. Ini membuktikan perkongsian berkaitan model ini telah **disebar**

luas secara penulisan ke peringkat antarabangsa.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0025_HB02_20231_7.1 TAHAP-HASIL 1 UiTMCSH.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0025_HB03_20232_7.2 TREN-HASIL 1 UiTMCSH.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0025_HB04_20233_7.3 PERBANDINGAN-HASIL 1 UiTMCSH.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0025_HB05_20234_7.4 KEPENTINGAN-HASIL 1 UiTMCSH.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Perancangan Strategik UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) berdasarkan Empat Objektif Utama **Performance Indicator (PI)** Pelan Strategik UiTM2025.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCSH sentiasa berusaha untuk **menjalinkan hubungan dua hala secara berterusan** antara pihak UiTMCSH bersama pelanggan seperti pelajar, alumni, pemegang taruh dan pihak industri bagi memastikan Misi dan Visi UiTMCSH dapat dicapai. Penglibatan pelanggan dalam projek utama Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics System (FLP-GAPS) telah menghasilkan kejayaan yang amat membanggakan. Projek FLP-GAPS adalah **projek usahasama di antara TERAJU-UiTM** (MoA ditandatangani pada 19 Disember 2019) yang melibatkan pelanggan seperti **pensyarah selaku Pelaksana Projek, TERAJU selaku pemberi dana, rakan-rakan strategik dan komuniti B40**. Projek FLP-GAPS adalah projek berimpak tinggi selaras dengan aspirasi **Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030)** yang dibiayai **Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) Sabah di bawah TERAJU** bernilai **RM3.5 juta** yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya dalam kalangan komuniti yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40. Objektif utama projek ini ialah **membantu kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi komuniti juga membantu komuniti dengan menawarkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, menawarkan latihan dan bimbingan secara berterusan**. Pengeluaran LAT telah diwujudkan sebagai projek berasaskan komuniti dan perusahaan sosial terutamanya untuk rakyat Sabah B40 dengan harapan mereka dapat menyara keluarga melalui aktiviti keusahawanan dalam jangka masa yang panjang untuk melahirkan usahawan yang berjaya. Pelaksanaan projek ini dijalankan di 6 lokasi tapak projek kawasan luar bandar yang terpilih iaitu Kg Shabandar, Kg Kayu Madang, Kg Ratau, Kg Bantayan, Kg Muhibbah dan Kg Duvanson. Projek ini telah membantu **memperkasakan ekonomi komuniti setempat yang melibatkan golongan B40** bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Di samping itu, projek ini juga **membuka peluang perniagaan** kepada pelbagai lapisan komuniti terutamanya dalam kalangan belia dan graduan yang belum bekerja bagi menangani masalah pengangguran di negara kita. Keupayaan projek FLP-GAPS dapat dilihat dari segi pencapaian dan kebolehan di mana objektif utama projek tersebut memperlihatkan **peningkatan dari kebolehpasaran** di kalangan semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat yang sekaligus berkeupayaan **mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan** dan mendorong kemampuan untuk berdiri atas usaha sendiri.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0025_HB02_20231_7.2.2 Tahap \(Level\) HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2023.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0025_HB03_20232_7.2.3 Tren HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2023 \(1\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0025_HB04_20233_7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0025_HB05_20234_7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL SUMBER MANUSIA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCSH memastikan tenaga kerja yang menerajui organisasi mampu memanifestasikan misi, visi dan matlamat organisasi seiring dengan keperluan organisasi. Sumber Manusia merupakan aset organisasi di dalam memastikan kelancaran, perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Sumber Manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang mantap sejajar dengan Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM. UiTMCSH melalui Pengurusan Sumber Manusia tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan

Kesukarelawan bersama projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS). Hasil dari perancangan sumber manusia memberi fokus kepada beberapa aspek utama iaitu proses pemindahan ilmu (*Knowledge Transfer Program*), penghasilan inovasi dan sumbangan kepada komuniti. Ini dapat di lihat melalui pengiktirafan dan penghargaan yang diterima oleh ahli projek ini yang bertaraf nasional dan antarabangsa.

Perancangan dan kaedah pengurusan sumber manusia meliputi aktiviti yang sistematik dan komprehensif yang melibatkan sumber tenaga kerja secara menyeluruh dalam organisasi untuk jangka masa yang panjang. UiTMCSH menerapkan pencapaian prestasi staf yang

berorientasikan nilai dengan pemetaan nilai I-DART dan ESI. Pengurusan Sumber Manusia UiTMCSH, mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan projek FLP-GAPS, di mana pengurusan kampus telah memetakan **teras strategik sumber manusia menggunakan kaedah pengurusan strategik SWOT analisis bagi mengenal pasti keupayaan kelebihan, kekurangan, peluang dan halangan** bagi membantu pengurusan kampus mengenal pasti tindakan keberkesanan pengurusan. **Tahap kegembiraan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran sistem kerja merupakan salah satu aspek pemantauan sumber manusia** yang diterapkan. Ini adalah penting untuk memastikan keadaan pusat *hatcheri* ternakan LAT kekal terjaga dan terkawal, penggiliran bekerja diwujudkan dimana petugas akan bekerja secara bergilir setiap hari menggunakan jadual bekerja atau syif. **Pengurusan risiko berbentuk tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi dikenal pasti dalam memilih pendekatan kos efektif secara sistematik dan mudah bagi mengurangkan kesan berlakunya ancaman** pada UiTMCSH, khususnya merujuk kepada projek FLP-GAPS. Kesemua risiko tidak boleh dielakkan sepenuhnya atau dikurangkan secara ringkasnya kerana kekangan kewangan dan kewajaran. Sebagai contoh, risiko tahap rendah diatasi dengan menggunakan pelan tindakan berbentuk pemasangan CCTV dan lampu limpah (Spotlight), menempatkan Penyelia di setiap tapak dan pemberian latihan kepada peserta dan penyelia tapak projek.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0025_HB02_20231_UiTMCSH_Hasil Sumber Manusia \(Tahap\).pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0025_HB03_20232_UiTMCSH_Hasil Sumber Manusia \(Tren\).pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/ TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0025_HB04_20233_UiTMCSH_Hasil Sumber Manusia \(Perbandingan\).pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0025_HB05_20234_UiTMCSH_Hasil Sumber Manusia \(Kepentingan\).pdf](#)